

0.88% Pulangan Tunai Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki

#### **TEMPOH KEMPEN**

1. Kempen “0.88% Pulangan Tunai Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (HLB) bermula pada 17 Ogos 2017 dan berakhir pada 15 November 2017, termasuk pada kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

#### **TERMA & SYARAT (“T&S”)**

**Berikut adalah terma dan syarat yang berkuat kuasa ke atas Kempen:-**

#### **KELAYAKAN**

2. Kempen ini terbuka kepada semua Pelanggan individu Malaysia (“Pelanggan”) yang:-
  - a) Berumur 21 hingga 60 tahun;
  - b) bekerja dengan pendapatan tahunan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000.00);
  - c) tidak mempunyai sebarang baki tunggakan sedia ada atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB dan/atau Pinjaman Peribadi I.O.U Mach;
  - d) memohon untuk Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB dengan jumlah minima Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) (“Kemudahan”) semasa Tempoh Kempen; dan
  - e) terima Kemudahan pada atau tidak lewat dari 15 Disember 2017.

Untuk tujuan kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausula 2 di atas akan ditakrifkan sebagai “Pelanggan Layak”.

3. Mereka yang berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
  - i. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB dan/atau HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
  - ii. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB dan/atau HLISB sebagai berpotensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan di sini.
  - iii. Kakitangan tetap dan berkontrak HLB dan/atau HLISB.

#### 4. Mekanik Kempen

Pelanggan Layak berhak kepada Pulangan Tunai 0.88% ("Pulangan Tunai") yang dikira mengikut ilustrasi berikut:

Jumlah Pembiayaan (RM)	Tempoh Kemudahan (Tahun)	Kadar Faedah (Setahun)	Jumlah Faedah yang Dibayar selama 5 tahun / 60 bulan (RM)	Jumlah Pulangan Tunai ke atas Faedah yang Dibayar @ 0.88% selama 5 tahun / 60 bulan (RM)	Jumlah Faedah Dibayar untuk Kempen ini (RM)
5,000	5	7.50%	1,875.00	16.50	1,858.50
10,000	5	7.50%	3,750.00	33.00	3,717.00
20,000	5	7.50%	7,500.00	66.00	7,434.00
30,000	5	7.50%	11,250.00	99.00	11,151.00
40,000	5	7.50%	15,000.00	132.00	14,868.00
50,000	5	7.50%	18,750.00	165.00	18,585.00

- i. Pelanggan Layak yang membayar amaun ansuran bulanan Kemudahan pada atau sebelum tarikh perlu dibayar setiap bulan semasa tempoh Kemudahan akan layak menerima Pulangan Tunai.
- ii. HLB akan memberi notis kepada Pelanggan Layak secara surat untuk kelayakan Pulangan Tunai pada bulan ke-enam dalam tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat yang dikemaskini terakhir di rekod HLB.
- iii. Pulangan Tunai akan dibayar secara bulanan di mana Pulangan Tunai pertama (ke-1) akan dibayar selepas ansuran bulanan ketujuh (ke-7) dibayar oleh Pelanggan Layak dan Pulangan Tunai yang akan dibundarkan kepada Satu Ringgit Malaysia (RM1) terdekat akan dikreditkan ke dalam akaun Kemudahan yang sah dan aktif milik Pelanggan Layak satu (1) hari selepas tarikh ansuran perlu dibayar dan bulan seterusnya sehingga pembayaran Pulangan Tunai terakhir yang dinyatakan di Klausula (iv) di bawah.
- iv. Pulangan Tunai terakhir akan dibayar enam (6) bulan sebelum ansuran terakhir Kemudahan dibayar oleh Pelanggan Layak.
- v. Pulangan Tunai bulanan akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan dalam akaun Kemudahan.
- vi. Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya ansuran bulanan tidak dijelaskan semasa tempoh Kemudahan, kelayakan untuk Pulangan Tunai akan tamat serta-merta.
- vii. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk memaklumkan secara bertulis kepada HLB atau HLISB tidak lewat dari satu (1) bulan selepas tarikh perlu bayar ansuran bulanan ketujuh (ke-7) dan/atau bulan seterusnya selepas itu sekiranya tidak menerima Pulangan Tunai bulanan, jika gagal berbuat

demikian, Pelanggan Layak dianggap telah mendapat dan menerima Pulangan Tunai dari HLB dan sebarang pertikaian seterusnya tidak akan dilayan oleh HLB atau HLISB.

viii. Kelayakan Pelanggan Layak untuk mendapat Pulangan Tunai akan dibatalkan dan bayaran Pulangan Tunai akan ditamatkan serta-merta apabila berlaku mana-mana satu perkara berikut:

- i. Pelanggan Layak gagal membayar mana-mana ansuran bulanan untuk Kemudahan pada tarikh perlu dibayar, atau sebarang jumlah lain yang terhutang di bawah dan berkaitan dengan Kemudahan apabila dituntut oleh HLB atau HLISB;
- ii. Notis penyelesaian awal diberikan oleh Pelanggan Layak sebelum tempoh matang Kemudahan; atau
- iii. Pelanggan Layak telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau perbuatan salah laku yang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan.

#### **UMUM**

5. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan:

- (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca dan memahami T&S ini dan bersetuju untuk terikat dengannya;
- (b) bersetuju untuk melayari laman sesawang HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Sesawang HLB") pada selang masa kerap untuk menyemak T&S, dan untuk memastikan mereka mengetahui maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
- (c) bersetuju bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan; dan
- (d) bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.

6. HLB berhak untuk:

- (a) menolak mana-mana permohonan Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB atau Pimbiayaan Peribadi-I HLISB yang diserahkan mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberikan sebarang sebab;

- (b) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi bicara mutlak; dan
  - (c) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlak, dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang HLB, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh HLB untuk memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.
7. T&S yang terkandung di sini dan terma dan syarat yang mengawalselia Pinjaman Peribadi HLB termasuk Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan terma dan syarat yang mengawalselia Pinjaman Peribadi HLB, T&S spesifik di sini akan berkuat kuasa setakat percanggahan tersebut.
  8. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang HLB akan berkuat kuasa.
  9. Terma dan syarat yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan dibentuk berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
  10. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan singular termasuk jamak dan sebaliknya.